

Kosmo

29/8/17

m/s 4

Pancutan air, limpahan cahaya warna-warni jadi ikon baharu Kuala Lumpur

PM rasmi projek Kolam Biru

KUALA LUMPUR — Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak malam tadi merasmikan pelaksanaan fasa satu Projek River of Life (ROL) dan Kolam Biru di Masjid Jamek Kuala Lumpur di sini.

ROL bakal mengubah kualiti air sungai utama di Lembah Klang daripada tahap tidak selamat kepada tahap selamat untuk kegunaan rekreasi.

Perdana Menteri diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta beberapa ahli Kabinet antaranya Menteri Wilayah Persekutuan, Tengku Adnan Tengku Mansor; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar serta Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

ROL yang dilancarkan pada 2011 adalah Projek Permulaan di bawah Greater Kuala Lumpur dan bakal mengangkat martabat ibu kota ini sebagai bandar raya bertaraf dunia.

Kolam Biru yang menjadi ikon baharu Kuala Lumpur pula adalah hasil cetusan idea Perdana Menteri yang mahu mengoptimumkan potensi kawasan ROL sebagai penggerak ekonomi negara dan menarik lebih ramai pelancong ke kawasan berkenaan.

Pembinaan Kolam Biru menyediakan pemandangan sungai dengan limpahan cahaya berwarna-warni berserta pancutan air diiringi irama muzik.

Ia bertujuan menghidupkan semula Sungai Klang dan Sungai Gombak dalam bandar, mengubahnya sebagai kawasan rekreasi air yang



NAJIB (kiri) bersama Rosmah diiringi Tengku Adnan (kanan) semasa hadir merasmikan pelaksanaan fasa satu Projek ROL dan Kolam Biru di Masjid Jamek Kuala Lumpur malam tadi.



PANCUTAN air projek ROL mengindahkan kawasan Masjid Jamek dan Bangunan Sultan Abdul Samad sekali gus menjadi daya tarikan serta ikon baharu pelancongan di Kuala Lumpur.

berkembang maju dengan nilai ekonomi melalui pembersihan sungai, pengindahan dan pembangunan tanah.

Fasa satu pengindahan Sungai Presint 7 projek ROL membabitkan kawasan bersejarah seperti Dataran Merdeka, Masjid Jamek dan Pasar

Seni yang melibatkan pertembungan dua anak sungai.

Sebagai daya tarikan baharu, satu jambatan pejalan kaki telah dibina untuk menghubungkan antara Masjid Jamek dengan Bangunan Sultan Abdul Samad dan Dataran Merdeka di sini.